



Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran  
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)

~~Kementerian Pelajaran Malaysia~~ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Aras 3, Blok E8

Kompleks Pejabat Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-8884 6148

03-8884 6149

Faks : 03-8884 6146

Ruj. Kami : KP (BPPDP) 605/013 Jld. 2 (88)  
Tarikh : 07 Januari 2014

## SEMUA PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### KUTIPAN DATA SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN PENDIDIKAN (EMIS) TAHUN 2014

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia sedang melaksanakan Inisiatif Pengintegrasian Data Pendidikan untuk Penghasilan Satu Data di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Inisiatif ini diterajui oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) dan bermatlamat untuk menghasilkan satu sumber data melalui penggunaan Sistem Pengurusan Sekolah (SPS). Aplikasi SPS akan menjadi sistem tunggal kemasukan data (*single data entry*) di peringkat sekolah.

3. Walau bagaimanapun, sistem-sistem maklumat lain seperti Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (EMIS), Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) dan Sistem Maklumat Guru (SMG) akan berjalan seiring dengan SPS sehingga SPS terlaksana dengan mantap.

4. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa kutipan/pengemaskinian data EMIS 2014 akan dilaksanakan sepanjang tahun 2014. Bagi kutipan Januari 2014 maklumat enrolmen telah dikosongkan mulai 24 Disember 2013. Langkah ini bertujuan untuk memastikan pengisian data baharu dibuat bersempena tahun persekolahan baharu. Guru Data dimohon memasukkan maklumat berkenaan sebaik sahaja sesi persekolahan 2014 bermula. Sila rujuk kepada Carta Kutipan Data EMIS 2014 seperti di Lampiran A.

5. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah dimohon membuat semakan berterusan bagi menghasilkan data yang berkualiti. Salinan Laporan Pengesahan Maklumat Sekolah yang ditandatangani oleh Pengetua/Guru Besar sekolah berkenaan hendaklah dihantar ke JPN/PPD sebagai bukti pengesahan maklumat sekolah tersebut. Sila rujuk kepada Jadual Penghantaran Laporan Pengesahan Maklumat Sekolah seperti di Lampiran B.



6. Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan perlu membuat semakan data bersama unit-unit berkaitan di Jabatan Pendidikan Negeri sebelum data disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Maklumat Asas Pendidikan nanti. Semakan ini penting kerana data EMIS merupakan data rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia dan digunakan dalam semua Inisiatif dan Perancangan Pendidikan.

7. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, sila hubungi **Puan Rohayati bt. Ismail** di talian **03 – 8884 6550** atau **Cik Azlin Hairani bt. Subki** di talian **03 – 8884 6358**.

Kerjasama serta keperihatinan Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk menghebahkan perkara ini kepada semua Pegawai Maklumat di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah bagi memastikan data yang dikemukakan adalah sahih, tepat dan terkini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATUK Dr. AMIN BIN SENIN)**  
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

sk:  
Pengarah  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

